

BOOK-2-LETGO: APLIKASI WEB JUALAN BUKU TERPAKAI

NURDIYANA BINTI MOHD SADIKE
ABDUL RAZAK HAMDAN

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

BOOK-2-LETGO adalah aplikasi buku terpakai ini merupakan satu aplikasi yang menyokong transaksi bisnes pelanggan-ke-pelanggan (C2C) atau bisnes-ke-pelanggan (B2C) untuk jualan buku terpakai. Pengguna yang mendaftar akaun boleh menjadi pembeli atau penjual pada masa yang sama. Aplikasi ini dibangunkan kerana di Malaysia khususnya, untuk menyemarakkan jualan buku terpakai melalui aplikasi untuk telefon pintar. Kebiasaannya jualan buku terpakai menggunakan medium seperti media sosial Facebook atau Instagram adalah tidak sistematik kerana pembeli sukar untuk mencari buku yang diingini. Kebanyakan sistem jualan buku terpakai yang terdapat di Malaysia adalah yang berasaskan web. Aplikasi ini membolehkan pengguna untuk menjual buku-buku terpakai mereka dengan mudah menggunakan telefon pintar. Selain itu pengguna juga boleh membeli buku terpakai dari pengguna lain yang mendaftar di dalam sistem ini. Seterusnya sistem ini dibangunkan menggunakan metodologi *Rapid Prototyping Life Cycle* (RPLC). Model ini membolehkan pelanggan dan pengguna untuk berinteraksi secara langsung semasa sistem ini dibangunkan. Manakala teknologi yang digunakan ialah *Laravel* sebagai rangka kerja atau *framework* untuk pembangunan aplikasi ini. Kesimpulannya, hasil pembangunan sistem ini dapat membantu peniaga buku terpakai berniaga dengan lebih mudah dan cepat tanpa mengeluarkan kos yang tinggi.

PENGENALAN

Istilah maklumat di hujung jari muncul sekitar dekad 1970-an dan dalam erti kata lain manusia begitu mudah untuk mendapat maklumat dengan cepat. Pada zaman dahulu manusia menggunakan medium seperti buku, majalah, akhbar dan sumber bacaan lain untuk mendapatkan ilmu dan pengetahuan.

Peranan buku haruslah diberi keutamaan kerana maklumatnya lebih sahih berbanding maklumat-maklumat yang didapati di internet. Betapa besarnya peranan buku sehingga ia mampu melahirkan perkembangan ilmiah dan tamadun manusia (Anas Faizli, 2013). Walaupun dizaman yang serba moden ini, masih ada orang yang lebih suka mencari maklumat dengan cara tradisional iaitu melalui buku.

Akan tetapi mungkin ada sesetengah buku sudah tidak terdapat dipasaran. Melalui sistem ini pembeli pasti akan menemui buku yang sudah tidak terdapat dipasaran dengan membeli buku terpakai secara mudah dan jauh lebih murah.

Pada kebiasaannya, harga asal buku mahal untuk dibeli. Daripada membeli buku terpakai ini, dapat menjimatkan duit. Selain itu penjual buku terpakai juga mampu menjana pendapatan dengan menjual buku-buku yang telah dibaca daripada dibiarkan dibilik bacaan atau stor begitu sahaja.

PENYATAAN MASALAH

Pada kebiasaannya penjual menggunakan medium seperti laman sosial seperti *facebook* atau blog mereka untuk untuk menjual buku terpakai. Selain tidak mendapat sambutan, pembeli mungkin terlepas pandang mengenai buku tersebut. Selain itu penggunaan laman sosial tidak terperinci kategori dan tajuk buku yang dicari. Ini menyukarkan pelanggan untuk mencari buku tersebut. Peniaga buku terpakai juga kebanyakannya mempunyai masalah untuk

menempatkan kedai mereka dilokasi yang sesuai dan strategik (Azrol Ali, 2014). Peniaga mempunyai masalah untuk mempromosikan buku terpakai kepada pengguna. Ini adalah cabaran besar, sekiranya kedai buku tidak strategik kemungkinan untuk rugi adalah tinggi.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian dalam pembangunan sistem ini ialah untuk membangunkan satu aplikasi **supaya** penjual dan pembeli buku-buku terpakai dapat berurusan dengan cepat dan efektif, menyediakan medium untuk penjual buku-buku terpakai secara kecil-kecilan untuk menubuhkan perniagaan online tanpa kos yang tinggi dan meningkatkan jumlah pelanggan kepada kedai-kedai buku terpakai dengan memuat naik buku di aplikasi ini.

Bagi memastikan kajian berjalan dengan lancar, kajian ini menggunakan model RPLC. RPLC adalah model kerja yang berfungsi selaras dengan hasil projek. Langkah pertama adalah untuk membina RPLC dan membiarkan pelanggan dan pengguna berinteraksi secara langsung semasa sistem dibangunkan. Selain semasa sistem dibangunkan, pengguna boleh memberi maklum balas mengenai reka bentuk serta fungsi yang perlu ada pada sistem.

RPLC diguna kerana bersesuaian dengan sistem ini, dimana sistem memerlukan banyak interaksi dengan pengguna. Pada kebiasaannya, sistem atas talian memerlukan banyak interaksi dengan pengguna membuatkan model ini bersesuaian dengan sistem yang dibangunkan. Dengan menggunakan model ini, pengguna boleh memberikan maklum balas secara terus bersesuaian dengan kehendak pengguna (Emily, 2016).


KAJIAN KESUSASTERAAN

Kajian kesusasteraan yang dijalankan adalah melalui penelitian keatas sistem semasa. Untuk menganalisis dengan lebih dekat tiga sistem semasa iaitu Lelong.my, Mudah.my dan Courousell dijadikan rujukan. Hal ini kerana ketiga-tiga sistem berkenaan mempunyaiciriyang hampir sama dengan sistem Book-2-Letgo.

REKABENTUK PEMBANGUNAN SISTEM

Bahagian ini membincang hasil daripada proses pembangunan sistem Book-2-Letgo. Penerangan secara keseluruhan tentang rekabentuk dan pembangunan sistem yang telah dihasilkan dalam projek ini diperihalkan.


Rajah menunjukkan seni bina pelayan-pelanggan sistem aplikasi jualan buku terpakai. Sistem ini melibatkan tiga tahap seni bina pelayan-pelanggan, Seni bina ini membolehkan proses sesebuah sistem diatur kepada beberapa lapisan fungsi yang tertentu pada setiap lapisan



Rajah 1 Lapisan Rekabentuk Book-2-Letgo

Reka bentuk modul bagi sistem buku terpakai ini mempunyai struktur model yang berbeza. Ia bertujuan bagi mengenalpasti hubungan antara modul tersebut.


Antara modul-modul yang terlibat di dalam sistem ini adalah modul daftar akaun, modul log masuk, modul tambah buku, modul paparan senarai buku, modul perincian buku, modul tambah ke troli, kira jumlah bayaran, modul kemaskini profil dan modul log keluar




Rajah 3 Gambar Rajah Aktiviti

HASIL KAJIAN

Bermula daripada Rajah 4 sehingga Rajah 13 adalah antaramuka bagi pengguna. Setelah daftar masuk ke dalam sistem, sistem akan mengarah ke laman utama. dan memaparkan halaman seperti rajah.




Rajah 4 Laman Utama Sistem




Rajah 5 Pendaftaran Akaun Pengguna




Rajah 7 Laman Daftar Masuk Sistem




Rajah 8 Laman tambah buku




Rajah 9 Laman Senarai Buku




Rajah 10 Laman yang memaparkan perincian buku



Rajah 11 Paparan kemaskini profil



Rajah 12 Paparan tambah ke troli



Rajah 13 Laman kira jumlah

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Sistem Aplikasi Web Buku Terpakai ini akan menjadi satu medium yang boleh dicapai oleh semua pengguna yang mempunyai sambungan internet ke telefon pintar mereka. Dimana pengguna dengan mudah mengisi maklumat buku terpakai yang ingin dijual dan pos untuk paparkan kepada pengguna lain yang turut berdaftar. Selain itu pengguna yang ingin membeli buku yang sudah digunakan lebih mudah untuk mencari buku-buku yang tertentu. Aplikasi ini juga dapat membantu peniaga kedai buku terpakai untuk meningkatkan lagi jumlah tidak terhad dikawasan kedai mereka sahaja bahkan keseluruhan pelusuk Malaysia.

RUJUKAN

- Anas Alam Faizli. 2013. Memupuk budaya membaca kearah kecermelangan negara. <http://www.themalaysianinsider.com/rencana/article/memupuk-budaya-membaca-kearah-kecermelangan-bangsa-anas-alam-faizli/>
- Andrew Trice. 2012. PhoneGap Explained Visually. <http://phonegap.com/blog/2012/05/02/phonegap-explained-visually/> [02 May 2012]
- Application Integration Guide. <https://developer.pingidentity.com/en/resources/application-integration-overview.html>
- Ashraff Hathibelagal. 2015. Quick Tip: Add Facebook Login to Your Android App. <https://code.tutsplus.com/tutorials/quick-tip-add-facebook-login-to-your-android-app-cms-23837> [18 Mei 2015]
- Azrol Ali. 2014. Buku terpakai umpama harta karun. <http://bm.therakyatpost.com/berita/2014/09/29/buku-terpakai-umpama-harta-karun/> [29 September 2014]

- Elaine J. Hom. 2013. What is C2C ?. <http://www.businessnewsdaily.com/5084-what-is-c2c.html> [11 September 2013]
- Emily Grace Adiseshiah. 2016. Rapid Prototyping Isn't Helpful. Or is it?. <https://www.justinmind.com/blog/rapid-prototyping-isnt-helpful-or-is-it/> [17 November 2016]
- Hafizi Hamsan. 2014. Ciri-Ciri Laman Web Yang Terbaik. <http://hafizihamsan.com/2014/07/05/ciri-ciri-laman-web-yang-terbaik/> [5 Julai 2014]
- Jakob Jenkov. 2014. Web and Mobile Application. <http://tutorials.jenkov.com/software-architecture/n-tier-architecture.html> [31 Oktober 2014]
- Reez. 2013. Kenapa Aku Suka Beli Di Lelong.com.my. <http://mohdfairiz.com/kenapa-aku-suka-beli-di-lelong-com/> [17 Oktober 2013]

Copyright@FTSM